

TEMA PMPT 2020: DiUtus dengan kegembiraan untuk menyembuh
SUB-TEMA January:
Membuka Hati dan Mata kita

Fokus: Tuhan mengutus kita untuk misi

Peristiwa: Mingguan Sabda Allah (Minggu Kesatuan)

Pengenalan:

Baru-baru ini Paus Franciskus mengisytiharkan bahawa bermula dari tahun 2020, hari Ahad ke 3 dalam Masa Biasa akan didedikasikan kepada Sabda Allah. Ia jatuh pada masa dimana Gereja digalakkan untuk menguatkan ikatannya dengan orang-orang Yahudi dan berdoa untuk kesatuan Kristian. Ini bermakna bahawa perayaan ini "mempunyai nilai ekumenikal, oleh kerana Alkitab menunjukkan, bagi mereka yang mendengar, jalan menuju kesatuan yang tulus dan teguh."

Tema kita pada bulan ini adalah berdasarkan dokumen Paus Francis, *Aperuit Illis*, berdasarkan ayat dari Injil St Lukas, "Kemudian dia membuka fikiran mereka untuk memahami Kitab Suci."

DOA PEMBUKAAN:

+ Jemputlah salah seorang untuk doa pembukaan.

LAGU PEMBUKAAN: SABDAKAN TUHAN

Sabdakan Tuhan, FirmanMu padaku

FirmanMu pelita pelita hidupku

Hancurkan Tuhan kelalaian hidupku

Menerima berita FirmanMu

Kor: Hanyalah Tuhan pancaran hidupku

FirmanMu suci merobah hidupku

Firman Mu Tuhan, Firman yang hidup

FirmanMu Tuhan, Firman yang hidup

Hanyalah Tuhan ku yakin janjiMu

Keselamatan hidupku padaMu

Hanyalah Tuhan ku yakin janjiMu

Keselamatan hidupku padaMu

DIALOG:

(Kata – kata dari Uskup Agung Rino Fisichella, presiden Dewan Kepausan untuk mempromosikan Evangelisasi Baru, diberikan pada deklarasi hari Minggu Sabda Allah pada 30 September 2019).

Penekanan pada pentingnya Sabda Allah adalah diperlukan kerana "majoriti besar" umat Katolik tidak biasa dengan Kitab Suci. Bagi kebanyakan orang, satu-satunya masa mereka mendengar Sabda Allah adalah ketika mereka menghadiri Misa. Alkitab adalah buku paling banyak diedarkan, tetapi ia juga mungkin yang paling banyak diliputi oleh habuk kerana ia tidak dipegang di tangan kita.

Dia berkata bahawa Paus "mengajak kita untuk memegang Sabda Allah di tangan kita setiap hari sebanyak mungkin sehingga menjadi doa kita dan sebahagian besar pengalaman hidup kita. Kita perlu mengembangkan hubungan yang lebih erat dengan Kitab suci; jika tidak, hati kita akan tetap sejuk dan mata kita tertutup, disebabkan oleh begitu banyak bentuk kebutaan.

Paus juga berkata, "Kitab Suci dan sakramen tidak dapat dipisahkan. Yesus berbicara kepada semua orang dengan perkataannya dalam Kitab Suci, dan jika orang "mendengar suara-Nya dan membuka pintu minda dan hati kita", maka Dia akan masuk ke dalam hidup kita dan tetap bersama kita.

RENUNGAN: Apakah makna kata-kata ini bagi kamu dan bagi Gereja pada hari ini? Kongsikan kepada satu sama lain.



PENDALAMAN

TEKS ALKITAB: Lukas 24: 13-33

Pada hari itu juga dua orang dari murid – murid Yesus pergi ke sebuah kampung bernama Emaus yang terletak kira – kira tujuh mil jauhnya dari Yerusalem, dan mereka bercakap – cakap tentang segala sesuatu yang telah terjadi . Ketika mereka sedang bercakap – cakap dan bertukar pikiran, datanglah Yesus sendiri mendekati mereka, lalu berjalan bersama – sama dengan mereka. Tetapi ada sesuatu yang menghalangi mata mereka sehingga mereka tidak dapat mengenal Dia. Yesus berkata kepada mereka: “Apakah yang kamu percakapkan sementara kamu berjalan?” Maka berhentilah mereka dengan muka muram. Seorang dari mereka, namanya Kleopas, menjawab – Nya: “Adakah Engkau satu – satunya orang asing di Yerusalem yang tidak tahu apa yang terjadi di situ pada hari – hari belakangan ini?” Kata – Nya kepada mereka: “Apakah itu?” Jawab mereka: “Apa yang terjadi dengan Yesus orang Nazaret. Dia adalah seorang nabi yang berkuasa dalam pekerjaan dan perkataan di hadapan Allah dan di depan seluruh bangsa kami. Tetapi imam – imam kepala dan pemimpin – pemimpin kami telah menyerahkan Dia untuk dihukum mati dan mereka telah menyalibkan – Nya. Padahal kami dahulu mengharapkan bahawa Dialah yang datang untuk membebaskan bangsa Israel. Tetapi sementara itu telah lewat tiga hari, sejak semuanya itu terjadi. Tetapi beberapa perempuan dari valanga kami telah mengejutkan kami: Pagi – pagi buta mereka telah pergi ke kubur dan tidak menemukan mayat – Nya. Lalu mereka datang dengan berita, bahawa telah kelihatan kepada mereka malaikat – malaikat yang menyatakan Ia hidup. dan beberapa teman kami telah pergi ke kubur itu dan mendapati bahawa memang benar yang dikatakan perempuan – perempuan itu, tetapi Dia tidak mereka lihat. Lalu Ia berkata kepada mereka: “hai kamu orang bodoh, betapa lambannya hatimu, sehingga kamu tidak percaya segala sesuatu yang dikatakan para nabi! Bukankah Mesias harus menderita semuanya itu untuk masuk ke dalam kemuliaan – Nya?” Lalu Ia menjelaskan kepada mereka apa yang tertulis tentang Dia dalam seluruh Kitab Suci, melalui dari kitab – kitab Musa dan segala kitab nabi – nabi. Mereka mendekati kampung yang mereka tuju, lalu Ia berbuat seolah – olah hendak meneruskan perjalanan – Nya. Tetapi mereka sangat mendesak – Nya, katanya: “Tinggallah bersama – sama dengan kami, sebab hari telah menjelang malam dan matahari hampir terbenam.” Lalu masuklah Ia untuk tinggal bersama – sama dengan mereka. Waktu Ia duduk makan dengan mereka, Ia mengambil roti, mengucap berkat, lalu memecah – memecahkannya dan memberikannya kepada mereka. Ketika itu

terbukalah mata mereka dan mereka pun mengenal Dia, tetapi Ia lenyap dari tengah – tengah mereka. Kata mereka seorang kepada yang lain: “Bukankah hati kita berkobar – kobar, ketika Ia berbicara dengan kita di tengah jalan dan ketika Ia menerangkan Kitab Suci kepada kita?” Lalu bangunlah mereka dan terus kembali ke Yerusalem. Di situ mereka mendapati kesebelas murid itu. Mereka sedang berkumpul bersama – sama dengan teman – teman mereka.

RENUNGAN:

- BACA teks dengan kuat dan DENGAR dengan minda dan hati yang terbuka.
- BACA teks secara peribadi dengan senyap, sehingga perkataan atau frasa menyentuh anda.
- Apakah yang dikatakan oleh Roh Kudus kepada saya melalui perkataan atau frasa yang telah saya pilih?
- Apakah yang saya katakan kepada Tuhan sebagai sahutan kepada Sabda-Nya?
- Berkongsilah dalam kumpulan kecil (3-4 orang), pengalaman kamu tentang bagaimana melalui Firman Tuhan “hatimu membara di dalam dirimu.” Kongsilkan Perkataan atau frasa Alkitab yang menyentuh kamu dan kenapa ia sangat bererti bagi kamu?

TINDAKAN:

Tema keseluruhan untuk tahun 2020 adalah “DiUtus dengan Sukacita untuk menyembuhkan”. Bincangkan bagaimana kita dapat memperkongsilkan Sabda Allah pada tahun ini dan membawa sukacita dan kesembuhan untuk diri kita sendiri, keluarga kita, KED dan mereka yang menderita dalam masyarakat.

DOA PENUTUP

+ Menjemput seseorang untuk doa penutup

LAGU PENUTUP: BIARKU MENJADI LILIN

Biarku menjadi lilin
Memberikan cahaya
Terangi sekeliling
Dengan diri terbakar
Tak siapa yang sedar
Disaat kegelapan
Rela ku menerangi
Demi satu harapan

Biar masa berlalu
Dan aku terus mendaki
Saat kau kegelapan
Rela ku menerangi
Tanpa dendam dan benci
Andainya kau terjatuh
Tersungkur dan terluka
Ku rawat biar sembuh